

19/10/1998

Umno perlukan timbalan presiden

Zulkofli Jamaludin; Rahman Hashim; Ibrahim Muhamad
KUALA LUMPUR, Ahad - Pemimpin Umno yakin struktur Umno sekarang sudah kukuh dan tidak perlu dilupuskan jawatan timbalan presiden parti atau menambah kerusi naib presiden.

Malah, pemimpin berkenaan berpendapat Umno masih memerlukan jawatan timbalan presiden bagi memastikan pentadbiran parti berjalan lancar.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Badawi, berkata masalah yang dihadapi parti tidak ada kaitan dengan struktur Umno, malah jawatan timbalan presiden sudah wujud sejak dulu lagi tanpa menjejaskan parti.

"Yang menjadi punca masalah ialah bukan sistem itu tetapi sikap segelintir pemimpin atau ahli Umno sendiri yang menyeleweng daripada tugas serta tanggungjawab yang diberikan," katanya selepas melancarkan jentera pilihan raya Parlimen Selandar di Alor Gajah hari ini.

Beliau mengulas cadangan bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Ghafar Baba, supaya jawatan timbalan presiden Umno dihapuskan untuk mengelak perpecahan akibat perebutan kerusi itu dan diganti dengan pelantikan dua naib presiden.

Abdullah yang juga Menteri Luar berkata, yang penting ialah politik dalam Umno mesti sentiasa terkawal dan semua pemimpin yang dipilih menyedari serta memahami tugas dan tanggungjawab masing-masing.

Di JELI, Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, berkata penghapusan jawatan itu boleh membebaskan presiden dengan pelbagai tugas sampingan dan masalah pentadbiran.

Muhyiddin berkata, jawatan timbalan presiden penting bagi membantu presiden kerana individu yang dipilih akan memegang beberapa jawatan penting parti seperti mempengerusikan jawatankuasa pengurusan dan menguruskan soal disiplin.

Katanya, Umno yang mempunyai 2.7 juta ahli perlu mempunyai satu pengurusan sepenuh masa yang dikendalikan timbalan presiden.

Di KUALA TERENGGANU, Timbalan Pengerusi Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Annuar Musa, berkata beliau percaya pengalaman yang dilalui Umno banyak mengajar ahli untuk lebih matang dalam membuat keputusan, termasuk memilih pemimpin yang akan menerajui parti dan negara.

"Kalau Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berpendapat pemilihan perlu diadakan untuk jawatan timbalan presiden, saya rasa ia tidak banyak masalah kerana ahli Umno sudah banyak pengalaman dan bijak untuk menentukannya," katanya.

Menurutnya, penambahan Naib Presiden juga tidak perlu kerana jumlah sekarang mencukupi, malah selain tiga Naib Presiden yang dipilih, Ketua Pergerakan Pemuda dan Wanita juga menduduki kerusi itu.

Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, juga berkata sistem kepemimpinan dalam parti sekarang perlu dikekalkan kerana ia cukup mantap dan memberi banyak kebaikan kepada Umno.

Dalam setiap perjuangan, katanya, pemimpin tidak dapat lari daripada berhadapan dengan masalah yang perlu diselesaikan secara bijaksana.

Ketua Penerangan Umno Kedah, Datuk Badaruddin Amiruddin pula berkata, cadangan Ghafar perlu ditimbang di peringkat Majlis Tertinggi (MT) bagi mencari pendekatan terbaik mengukuhkan parti.

"Sekiranya cadangan itu baik, ia boleh dilaksanakan. Bagaimanapun, antara faktor penting untuk mengukuhkan parti ialah soal disiplin dan komitmen memantapkan perjuangan parti.

"Dengan ada lima naib presiden pun belum tentu parti akan kukuh,

sekiranya setiap ahli lebih mengutamakan kepentingan peribadi daripada perjuangan untuk memartabkan agama, bangsa dan negara," katanya.

(END)